

NILAI-NILAI ISLAM DALAM PROGRAM PEMULIHAN BANDUANITA DI PENJARA

Khairul Hamimah Mohammad Jodi¹

Mohd Fauzi Hamat²

Hadenan Towpek³

Abstrak

Jabatan Penjara Malaysia merupakan sebuah entiti koreksi yang profesional di negara ini. Ia menyediakan program khusus bagi banduanita melalui Program Pembangunan Insan untuk memulihkan mereka, khususnya dari aspek sahsiah. Program ini turut menerapkan nilai-nilai Islam. Sehubungan itu, artikel ini mengupas nilai-nilai Islam yang diterapkan, dan menganalisis kaedah pelaksanaan penerapan nilai-nilai Islam melalui Program Pembangunan Insan. Artikel ini menggunakan kajian perpustakaan bagi mendapatkan informasi tentang nilai-nilai Islam yang diterapkan dalam program ini. Selain itu, beberapa metode kajian lapangan seperti dokumentasi, temu bual, pemerhatian turut serta dan cerapan digunakan untuk mendapatkan fakta sosial. Dapatan kajian ini menunjukkan nilai dedikasi, kerjasama, tekun, tanggungjawab, bersih dan disiplin menjadi keutamaan dalam program ini selain daripada nilai-nilai lain yang seumpamanya. Ini bertujuan untuk membentuk peribadi pelatih yang komited, bersungguh-sungguh dan rajin melakukan pembaikan diri, di samping mempunyai matlamat yang baik apabila dibebaskan. Malah sifat ini bakal membawa satu transformasi baru dalam kehidupan mereka selanjutnya.

Kata kunci: pemulihan, penjara, banduan, wanita

Abstract

Prison Department of Malaysia is a professional correctional institution with a specific Human Development Programme for the women prisoners to rejuvenate them, especially from personality aspect. This programme is imbued with Islamic values. This paper analyses the instilled Islamic values and the instillation methods in the programme. It employs a library approach to assess the infused Islamic values, and several field research approaches, such as

¹ Khairul Hamimah Mohammad Jodi, PhD, adalah graduan Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

² Mohd Fauzi Hamat, PhD, adalah Profesor Madya di Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

³ Hadenan Towpek adalah calon ijazah tinggi Jabatan Syariah Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

documentation, interview, and observation, to collect the relevant facts. This paper finds that dedication, cooperation, hard-working, responsibility, cleanliness, and discipline to be the main values advocated in the programme. This is for the purpose of creating committed, serious, and diligent self-reconstruction activities. It is hoped that it could transform the women prisoners towards a better life.

Keywords: *rejuvenation, prison, prisoners, women*

Pendahuluan

Sebagai sebuah institusi penahanan dan pemulihan, Jabatan Penjara Malaysia memiliki program khusus iaitu Program Pembangunan Insan yang dijalankan ke atas banduanita. Program khusus ini diisi dengan nilai-nilai Islam sebagai didikan dan bimbingan supaya mereka dapat menjalani kehidupan yang lebih baik di sisi agama dan di sisi manusia. Sehubungan itu, artikel ini mengupas sebelas tunggak nilai Islam, seterusnya menganalisis kaedah nilai-nilai ini diimplementasikan oleh banduanita. Makalah ini bermula dengan tinjauan penulisan mengenai nilai-nilai Islam kemudian diikuti dengan perbincangan tentang aspek pelaksanaannya di premis kajian iaitu Jabatan Penjara Malaysia. Perbincangan pelaksanaan ini adalah berdasarkan metode dokumentasi, temu bual, pemerhatian turut serta dan cerapan.

Konsep Nilai-nilai Islam

Nilai bermaksud kualiti, mutu, taraf dan sifat ketinggian dari sudut pemikiran, agama dan kemasyarakatan⁴. Istilah nilai boleh difahami dalam tiga konteks besar⁵, iaitu kuantitatif, sifat dan aksiologi. Dalam bahasa Inggeris nilai diungkapkan dengan istilah *value*⁶, kerana ia sering dikaitkan dengan apa yang perlu ada di dalam jiwa manusia. Nilai ialah sesuatu yang abstrak⁷ yang terdapat dalam sanubari manusia dan terjelma pada sistem sosial⁸. Abstrak di sini bermaksud tidak dapat dilihat, dipegang dan tidak boleh dirasai oleh

⁴ *Kamus Dewan* (1994), ed. ke-3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 930.

⁵ Zdzislaw Najder (1975), *Values and Evaluation*, Oxford: Clarendon Press, h. 42.

⁶ *Oxford Advanced Learner's Dictionary*, ed. ke-7, New York: Oxford University Press, h. 1631-1632.

⁷ Ahmad Atory Hussain (1986), *Tingkah Laku Organisasi dalam Pengurusan Moden*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 113.

⁸ Neil J. Smelser dan Paul B. Batles (ed.) (2001), *International Encyclopedia of the Social and Behavioral Science*, vol. 8, Amsterdam: Elsevier, h.16151.

manusia⁹. Nilai yang terdapat pada seseorang terbina melalui faktor dan situasi¹⁰ yang pelbagai di sepanjang proses kehidupan yang dilalui oleh individu¹¹.

Nilai juga diistilahkan sebagai moral¹², tetapi tidak semua moral itu mempunyai nilai¹³. Sesuatu perlakuan yang baik dianggap sebagai bermoral sekiranya mendapat pengiktirafan daripada orang lain. Ini disebabkan moral mementingkan hubungan sesama manusia serta berdasarkan sentimen masyarakat setempat¹⁴, contohnya terdapat sebuah masyarakat yang menganggap arak adalah baik untuk tujuan memanaskan badan di negara-negara sejuk dan pengambilannya tidak salah. Maka ia dianggap perbuatan yang bermoral¹⁵. Ini berbeza dengan negara-negara Islam dan agama Islam itu sendiri kerana arak itu diharamkan¹⁶ walaupun ada yang beranggapan arak itu mempunyai 'manfaat'¹⁷ tersendiri.

Nilai dari perspektif Islam merangkumi keseluruhan aspek kehidupan insan, termasuklah kedudukan, sosial, jawatan, pendidikan, pentadbiran, politik, ekonomi, kebudayaan dan seterusnya kepada hubungan antarabangsa¹⁸. Tonggak kepada segala nilai Muslim adalah berpusat kepada akidah dan syariat berlandaskan kepada suruhan Allah sebagaimana ikrar mereka di dalam solat yang bermaksud: "bawasanya solatku, tingkah lakuku, hidupku dan matiku adalah semata-mata kerana Allah sekalian alam¹⁹". Berasaskan kepada

⁹ Atory (1986), *op. cit.*, h. 113.

¹⁰ Seperti pendidikan, sosio-ekonomi, budaya, agama, geografi dan sebagainya.

¹¹ Wan Sabri Wan Hussin (2002), "Nilai dan Etika Islam dalam Perniagaan: Amalan dan Tanggapan Masyarakat Malaysia", (Tesis Kedoktoran, Institut Pengajian Siswazah dan Penyelidikan, Universiti Malaya), h. 114.

¹² Ghazali Darusalam (2001), *Kursus Tamadun Islam dan Pendidikan Moral: Nilai-nilai Moral dalam Pelbagai Aspek, Apresiasi Moral dan Badan-badan Dunia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications, h. 75.

¹³ Abdul Rahman Md. Aroff (1999), *Pendidikan Moral: Teori Etika dan Amalan Moral*, Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia, h. 4.

¹⁴ Ghazali (2001), *op. cit.*, h. 7.

¹⁵ *Ibid.*, h. 75.

¹⁶ Al-Qur'an, *Surah al-Nahl*, 16:67; *Surah al-Baqarah*, 2:219; *Surah al-Nisā'*, 4:43; *Surah al-Mā'idah*, 5:90.

¹⁷ Al-Qur'an, *Surah al-Baqarah*, 2:219. Firman Allah terjemahannya: Mereka bertanya kepadamu mengenai arak dan judi. Katakanlah dalam kedua-duanya ada dosa yang amat besar dan beberapa manfaat bagi manusia, tetapi dosa kedua-duanya lebih besar daripada manfaatnya... Ayat ini menjelaskan perbezaan di antara baik dan buruk arak. Ia juga menjelaskan bahawa dosa arak adalah lebih besar daripada manfaatnya.

¹⁸ *Al-Mu'jam al-Wasīf* (1973), Kاهرah: Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah, h. 577.

¹⁹ Al-Qur'an, *Surah al-An'ām*, 6:162.

maksud nilai di atas, ia boleh di katakan sebagai satu sistem yang baik, berguna dan bermanfaat kepada semua manusia. Nilai ini perlu dididik, dicari, dihayati dan diamalkan dalam kehidupan seharian. Nilai ini boleh berubah dengan adanya didikan daripada pihak lain. Untuk mencapai matlamat ini, nilai-nilai yang baik perlu diamalkan secara berterusan untuk menghasilkan individu yang mengamalkan gaya hidup berakhlak dan beretika dalam kehidupan.

Kajian ini berdasarkan sebelas tonggak nilai Islam seperti yang digariskan dalam dasar penerapan nilai Islam negara iaitu amanah, tanggungjawab, ikhlas, dedikasi, sederhana, tekun, bersih, bekerjasama, berdisiplin, berbudi mulia dan bersyukur²⁰. Nilai ini dipilih kerana ia realistik, mempunyai objektif dan merupakan unsur-unsur yang boleh diterima sebagai kunci kepada kejayaan dalam menjalankan urusan kehidupan²¹. Terdapat kajian-kajian sebelum ini mengenai nilai-nilai Islam di syarikat-syarikat, institusi perlindungan dan kementerian tertentu untuk melihat keberkesanan nilai ini dalam kehidupan dan suasana persekitaran kerja. Antara kajian tersebut ialah oleh Zurimi bin Hashim (2002)²², Sufri Kurus (2007)²³, Abdul Ghafir Abdul Hamid (1996)²⁴, Abdul Monir Yaacob (1994)²⁵, Mahani Mohamad (2004)²⁶ dan Abd. Rachman Abror (2003)²⁷.

²⁰ Dasar ini diperkenalkan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohammad. Beliau menentang dasar ini pada tahun 1982 ketika membentangkan ucapan dasarnya di Perhimpunan Agung UMNO ke-34 di Hotel Hilton, Kuala Lumpur pada 19-08-1983. Lihat teks penuh Tun Dr. Mahathir di laman sesawang Koleksi Arkib Ucapan Ketua Eksekutif: <http://www.pmo.gov.my/ucapan/?m=p&p=mahathir&id=1>, diakses 1 Mei 2011.

²¹ Institut Tadbiran Awam Negara Malaysia (1992), *Dasar-dasar Pembangunan Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara Malaysia, h. 202-212.

²² Zurimi bin Hashim (2002), "Penerapan Nilai-nilai Islam ke Atas Pelatih Pusat Pemulihan Dadah: Kajian Perbandingan antara Pusat Serenti Raub dengan Pengasih", (Disertasi Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia).

²³ Sufri Kurus (2007), "Pelaksanaan Nilai-nilai Islam di Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei Darussalam: Kajian terhadap Keberkesanannya dalam Pembangunan Pentadbiran", (Disertasi Jabatan Siasah Syar'iyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

²⁴ Abdul Ghafir bin Abdul Hamid (1996), "Penerapan Nilai-nilai Islam dan Keselamatan Negara di Malaysia Satu Tinjauan", (Disertasi Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia).

²⁵ Abdul Monir Yaacob (1994), "Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Pentadbiran Kerajaan: Satu Penilaian", (Kertas Kerja Seminar Penghayatan Nilai-nilai Islam dalam Pentadbiran Peringkat Kebangsaan, Kuala Lumpur, 29-30 April 1994).

²⁶ Mahani Mohamad (2004), "Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam: Keberkesanan Pelaksanaannya di Lembaga Tabung Haji (LTH) Kelantan (1997-2002)",

Nilai-nilai Islam mempunyai peranan tersendiri untuk membangunkan banduanita dari sudut lahiriah dan sahsiah diri mereka. Antara peranan nilai-nilai Islam dalam kehidupan mereka ialah:

Amanah berperanan menghindarkan banduanita daripada melanggar larangan dan suruhan Allah. Sifat amanah akan melahirkan sikap yang jujur, berhemat, cermat, jimat, tidak membazir, tidak mencuri, merompak dan melakukan segala bentuk penyeludupan dan penyelewengan. Malah mereka akan merasa malu kepada Allah apabila melakukan segala perbuatan yang tidak jujur.

Nilai tanggungjawab akan membentuk banduanita yang sentiasa memperkukuhkan iman kepada Allah dengan melakukan kebaikan dan menjauhi kemungkaran. Ini akan melahirkan banduanita yang mempunyai misi, objektif dan matlamat dalam kehidupan dengan merancang dan melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan ke atasnya. Jiwa mereka akan berani mempertahankan kebenaran kerana Allah.

Ikhlas melahirkan wanita yang mempunyai jiwa murni, bersih, meletakkan matlamat tugas atau ibadah sehariannya semata-mata untuk Allah²⁸ dengan tidak mempunyai kepentingan tertentu, mempunyai niat yang jujur dan bersikap positif sekiranya mendapat kritikan daripada orang lain, seperti kata-kata Abū Hāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī,

الإخلاص وهو أن تكون أعمالك كلها لله تعالى
ولا يرتاح قلبك بمحامد الناس ولا تبالي بمذمتهم²⁹.

Terjemahan: Keikhlasan itu ialah segala perbuatan engkau dikerjakan hanya untuk Allah dan hati engkau tidak akan

(Latihan Ilmiah, Jabatan Siasah Syar'iyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

²⁷ Abd. Rachman Abror (2003), "Nilai-nilai Islam yang Terkandung dalam Pantun Etnik Melayu di Pontianak", (Tesis Kedoktoran, Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya).

²⁸ Mustafa Kamal Pasha (2002), *Qalbun – Salim Hiasan Hidup Muslim Terpuji*, Jogjakarta: Citra Karsa Mandiri, h. 182.

²⁹ Abū Hāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī (1959), *Ayyuhā al-Walad*, cet. 2, Beirut: al-Lajnah al-Dawliyyah li Tarjamat al-Rawāi', h. 43. Lihat juga al-Ghazālī (2005), *Letter to a Disciple: Ayyuhā al-Walad*, (terj.) Tobias Mayer, Cambridge: the Islamic Texts Society, h. 41.

gembira dengan pujian daripada manusia ataupun tidak kisah dengan kejian mereka.

Secara tidak langsung nilai ini juga akan membentuk banduanita yang istiqamah, berani³⁰, memperolehi ketenangan dalam hidup, terhindar daripada keburukan di dunia³¹, malah syaitan sendiri tidak mampu menguasai mereka³².

Nilai dedikasi mampu membentuk jiwa berani menghadapi tekanan, cabaran dan menjauhi sikap pesimistik. Dalam menjalani rawatan dan pemulihan di pusat koreksi, banduanita yang berdedikasi mampu menjadi seorang yang dinamik, berinisiatif, proaktif dan sentiasa mempunyai iltizam untuk menjayakan tanggungjawabnya dengan penuh komited dalam semua aktiviti hidup baik jasmani, emosi, rohani dan intelektual.

Sederhana membentuk banduanita yang tidak terlalu keras dan tidak terlalu terbuka dalam semua aspek kehidupan, seperti sederhana dalam konteks pekerjaan, tutur kata dan ibadah. Seterusnya, nilai sederhana berupaya mendidik banduanita berhemah mengurus perbelanjaan mengikut kemampuan dengan tidak membazir, bermegah dengan harta yang ada kerana takutkan sifat riak dan sombong³³.

Seterusnya, nilai tekun mengajar banduanita agar lebih teliti³⁴, cermat dalam setiap perbuatan serta pekerjaan. Mereka tidak meremehkan segala urusan kerja, tidak suka memperbesarkan masalah, tidak suka bertangguh, bermotivasi, sentiasa berikhtiar, bersemangat, berdedikasi, dan mempunyai komunikasi baik³⁵. Ini secara tidak langsung membentuk ketinggian peribadi, membina keyakinan diri dan berupaya membentuk kerjasama kumpulan.

Nilai bersih mendidik banduanita bermasalah menjaga kebersihan dari aspek jasmani dan rohaninya. Kebersihan dua aspek ini sangat dititikberatkan kerana ia memberi impak terhadap kesihatan mental dan fizikal yang boleh membawa kemudaratan kepada banduanita. Banduanita yang menerapkan nilai bersih rohani akan menyucikan

³⁰ Seperti kisah Nabi Musa berhadapan dengan Firaun dalam *Surah Tāhā*, 20:72-73.

³¹ Seperti kisah Nabi Yusuf yang menghadapi cabaran dan dugaan daripada Zulaikha dalam *Surah Yūsuf*, 12:24.

³² Al-Qur'an, *Surah al-Hijr*, 15:39-40.

³³ Al-Qur'an, *Surah al-A'raf*, 7:31.

³⁴ Al-Qur'an, *Surah al-Hujurat*, 49:6.

³⁵ Robert H. Schuller (2002), *Kegigihan Kunci Kejayaan*, Batu Caves: Thinkers Library, h. 72-88.

jiwanya daripada sifat syirik³⁶, gangguan syaitan³⁷, menjaga penampilan diri³⁸, menjauhi sifat-sifat tercela yang membawa kepada dosa³⁹.

Disiplin mampu melahirkan banduanita yang berusaha dengan penuh kesungguhan dalam urusan kehidupan hariannya, iaitu disiplin terhadap Allah, dirinya, keluarga, masyarakat dan negara. Berdisiplin dalam agama akan mendidik banduanita yang menunaikan ibadah yang fardu tanpa pertikaian. Dalam hidup berkeluarga, disiplin mendidik banduanita ini memulakan pembinaan hidup kekeluargaan bermula dari pemilihan jodoh yang baik, seterusnya menambah ilmu keibubapaan dalam tumbesaran dan pendidikan anak-anak.

Banduanita yang memiliki nilai kerjasama akan saling membantu dalam semua aspek. Dari sudut sosial, kerjasama antara mereka melibatkan semua perkara bermula daripada individu dan keluarga sehinggalah kepada skop yang besar iaitu melibatkan masyarakat, negara dan alam sejagat. Kerjasama mendidik sikap banduanita yang saling bermuafakat, bertukar-tukar fikiran dengan meneroka idea-idea baru untuk membangun martabat wanita dan umat Islam. Dengan ini mereka akan mengetahui keperluan antara satu sama lain seperti kebajikan, undang-undang dan kemahiran yang secara tidak langsung menjalinkan hubungan di antara mereka.

Nilai berbudi mulia ini membentuk banduanita yang bukan sahaja berakhlak mulia kepada diri sendiri tetapi berbudi mulia kepada Allah dan rasul. Mereka berusaha menjauhkan diri daripada terlibat dalam pertelingkahan yang selalunya tidak berlandaskan pemikiran yang rasional. Ini akan melahirkan masyarakat hidup bersatu padu, bersikap merendah diri dan mengeratkan perhubungan kasih sayang sesama umat Islam.

Nilai bersyukur melahirkan banduanita yang sentiasa berterima kasih kepada Allah, keluarga, sahabat, majikan dan lain-lain dengan menghargai, berkongsi nikmat yang didapatinya⁴⁰. Mereka tidak riak dan tidak lalai dengan menggunakan nikmat itu pada jalan yang dimurkai Allah, malah berusaha dengan tekun bagi memastikan rezeki yang diperolehi mengikut syariat yang telah ditetapkan.

³⁶ Al-Qur'an, *Surah al-Hajj*, 22: 26.

³⁷ Al-Qur'an, *Surah al-Anfāl*, 8:11.

³⁸ Al-Qur'an, *Surah al-Mā'idah*, 5:6; *Surah al-Muddaththir*, 74:1-4.

³⁹ Al-Qur'an, *Surah al-Tawbah*, 9:103.

⁴⁰ Jalāl al-Dīn 'Abd al-Raḥmān al-Suyūfī (t.t.), *Jāmi' al-Aḥādīth: al-Jāmi' al-Ṣaḡhīr wa Zawā'iduh wa al-Jāmi' al-Kabīr*, juz 1, t.tp.: Dār al-Fikr, h. 452, bab al-Hamzah Ma'a Shīn, no. hadith 3131.

Kesimpulannya, peranan nilai-nilai Islam seperti yang dinyatakan di atas dapat menanam semangat mencintai kebaikan dan membuang sifat buruk yang terdapat dalam diri banduanita. Sikap amanah akan menghindari tabiat bermegah dan 'ujub. Nilai syukur membuang hasad, bakhil dan takabur. Dengan ikhlas menghindari sombong dan riak. Dedikasi, tanggungjawab dan disiplin menghindari malas. Nilai tekun membuang sikap berlengah. Bersih menghindari sikap pengotor dan berbudi mulia membuang sikap pamarah dan panas baran. Transformasi sikap ini akan mewujudkan suasana hidup yang lebih bertanggungjawab dalam menjalani kehidupan seharian banduanita selepas dibebaskan kelak.

Nilai-nilai Islam dalam Program Pemulihan Banduanita di Penjara dan Kaedah Penerapan

Kajian ini menganalisis program Modul Pelan Pembangunan Insan fasa dua iaitu program Terapi Komuniti yang dikenali sebagai TC. Fasa dua dipilih kerana ia merupakan fasa pengukuhan atau *core treatment* dalam program Pelan Pembangunan Insan yang dilaksanakan selama 6 bulan⁴¹. Fasa ini mempunyai empat komponen iaitu pengurusan pembaikan tingkah laku, pengurusan emosi dan psikologi, pengurusan intelektual dan kerohanian dan pengurusan kemahiran vokasional dan kemahiran hidup⁴². Objektif program ini untuk memberi penekanan kepada aspek pembentukan jatidiri dan perubahan tingkah laku.

Nilai sederhana dan tekun ditanam dalam jiwa mereka terlebih dahulu. Tujuannya ialah supaya penghuni menyesuaikan diri dan memahami persekitaran program pemulihan kaedah ini. Mereka juga wajib menghadiri aktiviti-aktiviti pemulihan seperti perjumpaan awal pagi, perjumpaan pagi, menghadiri seminar, mengikuti kelas kerohanian dan aktiviti-aktiviti lain yang difikirkan perlu untuk mereka⁴³.

Nilai tanggungjawab, dedikasi, kerjasama dan ikhlas dicerna melalui aktiviti yang berlangsung pada setiap pagi, di mana mereka akan berkumpul, bermusyawarah, berbincang, saling tegur menegur kesilapan penghuni dan mencari penyelesaian bersama pada setiap

⁴¹ Jabatan Penjara Malaysia (t.t.), "Pelan Pembangunan Insan", (Pamflet Jabatan Penjara Malaysia).

⁴² Jabatan Penjara Malaysia (t.t.), "Program Terapi Komuniti", (Risalah Bahagian Rawatan dan Pemulihan, Jabatan Penjara Malaysia), h. vi-viii.

⁴³ *Ibid.* Cerapan dan pemerhatian turut serta Khairul Hamimah Mohammah Jodi di Penjara Wanita Kajang, 10-21 Januari 2011.

masalah yang dihadapi. Aktiviti ini berupaya mendidik banduanita bersikap jujur dan sentiasa mengambil berat tentang insiden-insiden yang berlaku dalam persekitaran mereka⁴⁴.

Penghayatan terhadap falsafah teras⁴⁵ program ini mampu melahirkan nilai amanah iaitu mendidik penghuni menyedari hakikat bahawa menjalani program TC ini merupakan amanah yang perlu dilaksanakan dengan sebaik-baiknya⁴⁶ dengan tidak melanggar peraturan-peraturan yang ditetapkan. Penghuni yang melanggar peraturan asas akan dikenakan ‘denda’ atas kesilapan yang mereka lakukan. Ini bertujuan melatih penghuni bersikap amanah, bertanggungjawab, patuh kepada peraturan dan peka terhadap persekitaran mereka. Secara tidak langsung ‘denda’ ini membentuk nilai dedikasi penghuni agar komited terhadap tugas, bersedia mengubah sikap demi kebaikan diri dan proaktif dalam melaksanakan tugas harian⁴⁷. Denda yang diberikan kepada penghuni lebih kepada elemen pendidikan, seperti mereka diminta mencari tajuk-tajuk yang bersesuaian untuk dibentangkan di dalam sesi seminar, membuat karangan dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan sebagainya⁴⁸. Penulis berpendapat kaedah denda amat baik dipraktikkan dalam kalangan banduanita. Ini disebabkan melalui denda yang diberikan, mereka belajar kembali ilmu akademik dan keagamaan setelah lama ditinggalkan. Hasil daripada borang soal selidik yang telah diedarkan, majoriti banduanita mendapat didikan akademik sehingga peringkat sekolah menengah sahaja dan

⁴⁴ *Ibid.*

⁴⁵ Falsafahnya adalah: “Aku berada di sini kerana tidak ada perlindungan daripada diriku. Seinggalah aku bersemuka dengan diriku sendiri. Akhirnya dalam mata dan hati orang lain aku dalam pelarian, seinggalah aku memujuk mereka berkongsi rahsia-rahsiaku. Aku tidak akan terselamat daripadanya. Takut dikenali, aku tidak dapat mengenali diri sendiri atau orang lain, aku akan keseorangan. Di manakah dapat ku temui cermin yang sebegitu rupa kalau tidak di dataran milik kita bersama ini. Bersama-sama akhirnya, aku dapat menjelma dengan jelas di hadapanku, bukan sebagai gergasi dalam mimpi-mimpiku atau si kerdil dalam ketakutan. Tetapi sebagai seorang insan menyumbang kepada satu gagasan ke arah satu tujuan. Di dataran ini aku dapat menunjang akarku dan membesar tiada lagi keseorangan bagaikan dalam kematian tetapi hidup kepada diriku dan orang lain. Ini bertujuan memberi peluang kepadanya untuk menilai jatidiri, mengubah cara berfikir dan berusaha membentuk tingkah laku yang baik.” *Ibid.*, h. 176-201.

⁴⁶ Institut Tadbiran Awam Negara Malaysia (1992), *Dasar-dasar Pembangunan Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara Malaysia, h. 206.

⁴⁷ *Ibid.*, h. 208.

⁴⁸ Temu bual Khairul Hamimah Mohammah Jodi dengan Puan Monalisa Ali Sapri, Inspektor Penjara, Kajang, 12 Januari 2011.

kurang pendidikan agama. Secara tuntasnya, denda ini sebagai satu kaedah pembelajaran berterusan kepada banduanita walaupun mereka berada di penjara.

Teguran secara lisan dan terbuka akan dilakukan sekiranya penghuni melanggar peraturan program⁴⁹. Terdapat 31 peraturan dalam program ini, antaranya ialah tidak dibenarkan memakai seluar pendek sebelum jam 9 malam, tidak dibenarkan naik ke atas katil sebelum jam 9 malam, tidak dibenarkan kencing berdiri, tidak dibenarkan mandi tanpa sebarang pakaian dan lain-lain. Program ini mempunyai tiga kaedah teguran iaitu teguran individu, teguran dan dendaan, dan teguran secara keras berserta dendaan berat. Tujuan teguran sebegini dilakukan untuk melatih penghuni bersikap terbuka dan berlapang dada dengan teguran yang diberi. Nilai yang diperolehi dalam kaedah ini ialah berdisiplin, dedikasi dan bersih hati iaitu menjauhi nafsu dan emosi dari mempengaruhi pemikiran dalam membuat keputusan⁵⁰. Penulis melihat kaedah ini berupaya mendidik banduanita mempunyai sikap berani dan tegas. Hasil daripada temu bual yang tidak formal terhadap banduanita di penjara, mereka mengakui sebelum menjadi penghuni di sini, sikap mereka amat degil dan panas baran⁵¹. Tetapi, apabila mengikuti fasa pemulihan selama dua bulan, perubahan sikap sudah berlaku apabila mereka mula mengamalkan sikap meminta maaf, berlapang dada, bersabar dan menerima kritikan dengan positif. Hal ini penulis akui sepanjang mengadakan cerapan, terdapat perubahan positif yang berlaku terhadap banduanita yang menjalani rawatan dan pemulihan melebihi sebulan.

Nilai kerjasama didapati dalam program pemulihan di mana institusi penjara melatih penghuni mengamalkan sikap tolong-menolong, mengamalkan permuafakatan dalam semua perkara, mengutamakan kepentingan bersama daripada kepentingan peribadi. Dalam program TC ini, penghuni akan menjalani sesi kaunseling individu⁵², kaunseling keluarga dan kumpulan statik. Kaunseling keluarga TC bermaksud sesi kaunseling akan dijalankan oleh seorang kaunselor dan disertai oleh semua penghuni yang menjalani program Terapi Komuniti. Semua penghuni akan dianggap sebagai satu keluarga

⁴⁹ *Ibid.*

⁵⁰ Institut Tadbiran Awam Negara (1992), *op. cit.*, h. 210.

⁵¹ Temu bual Khairul Hamimah Mohammah Jodi dengan Ayu (bukan nama sebenar), penghuni penjara, Kajang, 11 Januari 2011.

⁵² Sesi ini akan dijalankan secara perseorangan antara kaunselor dengan penghuni sahaja. Lihat Jabatan Penjara Malaysia (t.t.), "Program Terapi Komuniti", h. 62-63.

yang akan berbincang dan saling bantu membantu bagi menyelesaikan masalah yang berlaku di antara mereka⁵³. Manakala kumpulan statik terdiri dari lapan sehingga dua belas penghuni dan seorang kaunselor. Sesi ini diadakan dalam bentuk bulatan. Dalam sesi ini, setiap daripada mereka akan berkongsi masalah, pengalaman dan meluahkan segala perasaan untuk mengurangkan tekanan emosi. Di samping itu, ahli kumpulan akan memberikan buah fikiran untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi⁵⁴. Penulis mendapati bahawa kaedah ini bertepatan dengan hadith riwayat Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī yang bermaksud:

Perumpamaan orang yang mematuhi larangan Tuhan dan melanggarnya, adalah seperti kaum yang mengadakan undian di atas kapal. Sebahagian mereka mendapat tempat di atas dan sebahagian lagi di bawah. Orang yang di bawah sekiranya hendak mengambil air minum terpaksa melalui orang yang di atas. Mereka berfikir, “baiklah kita buat sebuah lubang air di tempat kita (bahagian bawah) sehingga kita tidak mengganggu orang di atas”. Jika orang di atas membiarkan mereka berbuat demikian, tentulah mereka akan binasa. Sebaliknya jika orang di atas melarang, maka mereka akan selamat semuanya.⁵⁵

Hadith ini menggambarkan perlunya sikap saling menegur bagi memperbaiki kesilapan di antara mereka dan kaedah ini sememangnya dijalankan di dalam program ini.

Elemen dedikasi, ikhlas dan berdisiplin dipupuk menerusi konfrontasi rakan sebaya⁵⁶ dengan melatih sikap berani, yakin diri, saling membantu untuk mengubah sikap dan jujur dalam setiap perbuatan. Aktiviti ini bertujuan untuk memecahkan ego dalam diri banduanita. Ini disebabkan ketika mereka belum dimasukkan ke penjara mereka beranggapan semua tindakan yang dilakukan oleh mereka itu betul

⁵³ Jabatan Penjara Malaysia (t.t.), “Program Terapi Komuniti”, h. 64-65.

⁵⁴ *Ibid.*, h. 66-68.

⁵⁵ Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī (2000), “Ṣaḥīḥ al-Bukhārī”, dalam *Mawsū‘at al-Ḥadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, Ṣāliḥ bin ‘Abd al-‘Azīz Āl al-Shaykh (ed.), Riyadh: Dār al-Salām, 2000, h. 196, Kitāb al-Sharakah, Bāb Hal Yuqra‘ fi al-Qismah wa al-Istihām fih?, no. hadith 2493.

⁵⁶ Kaedah ini hampir sama dengan teguran secara lisan. Perbezaan antara keduanya ialah konfrontasi ini dilakukan di antara penghuni. Konfrontasi ini merupakan sesi bertanya atau menyoal ahli pada waktu itu juga. Cerapan Khairul Hamimah Mohammah Jodi di Penjara Wanita Kajang, 10-21 Januari 2011. Lihat Jabatan Penjara Malaysia (t.t.), “Program Terapi Komuniti”, h. 70-73.

dan tidak mengganggu orang lain⁵⁷. Justeru, rakan sebaya merupakan komuniti yang sesuai untuk mengubah pemikiran mereka kerana rakan sebaya ini pernah mengalami pengalaman dan sejarah hidup yang sama seperti mereka. Apa yang penulis lihat di sini ialah kaedah ini memupuk sikap bersungguh-sungguh melakukan perubahan diri, berfikiran terbuka dan belajar mengawal emosi dalam kalangan penghuni. Kaedah ini bertepatan dengan Islam yang menggalakkan umatnya saling bekerjasama, tegur menegur, nasihat menasihati tanpa mengira usia, pangkat dan bangsa.

Seterusnya nilai dedikasi, tanggungjawab dan tekun dicerna melalui komponen program pengurusan intelektual dan kerohanian⁵⁸ seperti seminar, ceramah dan pendidikan moral atau kerohanian. Melalui komponen ini, ia dilihat mampu melahirkan penghuni yang komited dan bersedia memulakan pembaikan diri dengan berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapai kesempurnaan dalam tugas dan kehidupan⁵⁹.

Nilai tekun diteguhkan melalui program seminar dan pendidikan kerohanian bagi membantu membentuk pemikiran, perasaan dan tingkah laku banduanita. Melalui seminar ini penghuni berpeluang menambah ilmu pengetahuan, mengumpulkan maklumat semasa, dan meningkatkan kemahiran yang berkaitan untuk pembaikan diri⁶⁰. Pembentangan seminar ini dijalankan oleh fasilitator yang berpengalaman dan adakalanya sesi ini dijalankan oleh penghuni sendiri untuk melatih mereka berani berhadapan dengan orang ramai dan mendidik penghuni dengan ilmu pengetahuan iaitu mencari bahan-bahan yang bersesuaian dengan tajuk yang mereka bentangkan⁶¹. Ini bertujuan untuk memantapkan kefahaman penghuni mengenai program yang mereka jalani ketika ini. Selain itu, penghuni juga akan didedahkan dengan tajuk-tajuk lain, seperti muhasabah diri, pengurusan diri, kemahiran sosial, perlakuan jenayah, kenegaraan, kerjaya, kekeluargaan dan kemasyarakatan⁶². Penulis mendapati bahawa kaedah mencari pelbagai maklumat ini bersesuaian dengan

⁵⁷ Temu bual Khairul Hamimah Mohammad Jodi dengan Encik Hafizi Harun, Kaunselor Pengasih, Kajang, 9 April 2010.

⁵⁸ Jabatan Penjara Malaysia (t.t.), "Program Terapi Komuniti", h. 102-123.

⁵⁹ Institut Tadbiran Awam Negara (1992), *op. cit.*, h. 206-209.

⁶⁰ *Ibid.*, h. 209.

⁶¹ Bahan-bahan ini boleh dapati oleh penghuni di perpustakaan penjara.

⁶² Jabatan Penjara Malaysia (t.t.), "Program Terapi Komuniti", h. 119-121.

konsep mujahadah dan riadah bagi memperbaiki akhlak manusia⁶³. Di penjara ini banduanita akan dilatih dan didik secara berterusan di mana ia mampu menjadi kebiasaan dalam diri mereka. Walaupun banduanita seolah-olah “dipaksa” mempelajari dan mencari tajuk-tajuk seperti yang telah dinyatakan, ternyata tujuan ini berbaloi kerana di penjaralah mereka akan mendapat ilmu tersebut berbanding dengan persekitaran mereka yang tidak bermoral sebelum ini. Malah mereka tidak mengetahui apakah ilmu pengurusan diri, apakah kesan perlakuan jenayah mereka kepada kerjaya, keluarga, masyarakat dan lain-lain⁶⁴. Justeru, pendedahan tajuk-tajuk ini bersesuaian dengan banduanita agar mereka tidak kembali kepada kesalahan yang pernah dilakukan malah mempunyai azam dan kesungguhan untuk menjadi individu yang lebih baik.

Terdapat beberapa elemen nilai-nilai Islam dalam komponen pengurusan kemahiran hidup dan vokasional⁶⁵. Antaranya ialah kerjasama, bersyukur, bersih, berdisiplin dan berbudi mulia kerana komponen ini mementingkan ketepatan masa, kualiti yang dihasilkan dan pelaksanaan tugas dengan ikhlas seperti yang diamanahkan. Di bawah komponen ini penghuni akan mempelajari kaedah meninggalkan tabiat buruk, menangani konflik keluarga, keperluan mencari pekerjaan yang sah di sisi undang-undang dan berusaha mencari pekerjaan yang halal apabila keluar dari penjara.

Nilai amanah dan tekun yang diterapkan dalam komponen ini adalah ketika sesi penilaian semula atau rumusan harian atau mingguan tentang perjalanan aktiviti pada hari tersebut dengan memberi penghargaan kepada tingkah laku positif yang ditunjukkan oleh penghuni, selain menegur dan memperbaiki kelemahan penghuni. Kaedah maklum balas ini penting untuk melihat kesungguhan penghuni menyelesaikan tugasannya dengan sempurna⁶⁶ dan menyedari bahawa tugas yang diamanahkan kepadanya perlu dilaksanakan dengan sebaik-baiknya⁶⁷. Ini secara tidak langsung dapat memberi motivasi kepada penghuni untuk memperbaiki sikapnya dari masa ke semasa. Penulis melihat kaedah ini bersesuaian dengan apa yang

⁶³ Abū Hāmid Muhammad bin Muḥammad al-Ghazālī (1967), *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*, jil. 3, Kaherah: Mu'assasat al-Ḥalabī wa Sharakāhu li al-Nashr wa al-Tawzī', h. 75.

⁶⁴ Temu bual Khairul Hamimah Mohammah Jodi dengan Aminah (bukan nama sebenar), penghuni penjara, Kajang, 11 Januari 2011.

⁶⁵ Jabatan Penjara Malaysia (t.t.), “Program Terapi Komuniti”, h. 135-142.

⁶⁶ Institut Tadbiran Awam Negara (1992), *op. cit.*, h. 209.

⁶⁷ *Ibid.*, h. 206.

dibincangkan oleh al-Ghazālī yang menyatakan tiga kaedah menilai diri sendiri iaitu; pertamanya menilai amalan diri sebelum melakukan sesuatu perkara, keduanya menilai amalan diri ketika melakukan sesuatu perkara dan ketiganya menghisab diri atau bermuhasabah setelah selesai melakukan amalan tersebut⁶⁸. Al-Ghazālī berpendapat mengenal diri adalah kunci utama untuk mengenal Allah seperti kata-katanya⁶⁹:

إِعْلَمْ أَنَّ مِفْتَاحَ مَعْرِفَةِ اللَّهِ تَعَالَى هُوَ مَعْرِفَةُ النَّفْسِ

Terjemahan: Ketahuilah bahawa kunci kepada mengenali Allah adalah dengan mengenali diri sendiri.

Peluang kepimpinan yang diberikan oleh pihak penjara melalui program ini dilihat mampu membentuk sikap lebih bertanggungjawab kepada penghuni. Selain itu, ia dapat mempertingkatkan ciri-ciri kepimpinan dalam diri, melatih pengurusan dalam kumpulan yang kecil, membentuk diri menjadi lebih asertif dan membentuk perkembangan sendiri. Justeru, nilai kepimpinan ini perlu terus dipupuk dalam diri mereka kerana kepimpinan yang betul akan mendorong penghuni bertindak dengan tepat berbanding dengan tindakan mereka sebelum ini yang pernah terlibat dengan pelbagai kegiatan jenayah. Secara tuntasnya peluang ini membentuk nilai dedikasi iaitu proaktif dalam melaksanakan tugas harian⁷⁰, amanah dan tanggungjawab iaitu bersedia berkhidmat dan menghulurkan bantuan bila-bila sahaja diperlukan⁷¹. Penulis berpendapat penerapan nilai pemimpin ini bertepatan dengan hadith berikut⁷²:

⁶⁸ Muḥammad Jamāl al-Dīn Al-Qāsimī (1994), *Maw'izah al-Mu'minīn min Ihyā' 'Ulūm al-Dīn*, Beirut: Dār al-Nafā'is, h. 451-453. Lihat juga Abū Hāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī (1989), *Bimbingan Mukminin*, (terj.) Sayid Ahmad Samit, Singapura: Pustaka Nasional, 821-823.

⁶⁹ Abū Hāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī (t.t.), *al-Munqidh min al-Dalāl*, Beirut: Maktabat al-Shay'bah, h. 108.

⁷⁰ Institut Tadbiran Awam Negara (1992), *op. cit.*, h. 207.

⁷¹ *Ibid.*, h. 206-207.

⁷² Al-Bukhārī (2000), *op. cit.*, h. 70, Kitāb al-Jumu'ah, Bāb al-Jumu'ah fī al-Qurā wa al-Mudun, no. hadith 892.

أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عُمَرَ يَقُولُ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ الْإِمَامُ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي أَهْلِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ فِي بَيْتِ زَوْجِهَا وَمَسْئُولَةٌ عَنْ رَعِيَّتِهَا وَالْخَادِمُ رَاعٍ فِي مَالِ سَيِّدِهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ قَالَ وَحَسِبْتُ أَنْ قَدْ قَالَ وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي مَالِ أَبِيهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ وَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ.

Terjemahan: Abdullah bin Umar berkata: aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda, setiap kamu adalah pemimpin dan bertanggungjawab terhadap orang yang dipimpin. Imam adalah pemimpin dan bertanggungjawab terhadap rakyatnya. Seorang lelaki adalah pemimpin dan bertanggungjawab terhadap ahli keluarganya. Seorang perempuan adalah pemimpin dan bertanggungjawab terhadap rumah tangganya, suaminya dan anak-anaknya. Seorang khadam bertanggungjawab terhadap harta tuannya. Maka setiap hari kamu adalah pemimpin dan bertanggungjawab terhadap apa yang dipimpin.

Berdasarkan hadith di atas, jelas menunjukkan kepemimpinan itu juga bermula dari memimpin diri sendiri. Sehubungan itu, peluang kepemimpinan yang diterapkan oleh pihak penjara berupaya mendidik bandunita memimpin diri sendiri dan seterusnya memimpin keluarganya dengan berpandukan syariat Islam.

Kesimpulannya, penerapan nilai-nilai Islam dalam program TC di penjara menyemai amanah, tanggungjawab, ikhlas, dedikasi, sederhana, tekun, bersih, disiplin, kerjasama, budi mulia dan syukur.

Penutup

Program penjara dilihat telah menerapkan keseluruhan sebelas nilai-nilai Islam dalam program hariannya. Berdasarkan cerapan dan penelitian penulis, nilai dedikasi, kerjasama, tekun, tanggungjawab, bersih dan disiplin menjadi keutamaan dalam program ini selain daripada nilai-nilai lain yang telah dijelaskan di atas. Nilai-nilai tersebut mampu mengubah sikap buruk banduanita kepada sifat terpuji, iaitu amanah menghindari tabiat bermegah dan 'ujub. Nilai syukur membuang hasad, bakhil dan takbur. Ikhlas menyingkir sombong dan riak. Manakala dedikasi, tanggungjawab dan disiplin menyingkir

malas. Pelaksanaan program yang menggunakan kaedah terapi komuniti ini dilihat mampu mendidik penghuni menjadi lebih peka dan berdisiplin dalam kehidupan. Ini disebabkan kaedah ini mementingkan ketepatan masa dan kesempurnaan dalam melakukan segala tugas yang diberikan. Justeru, program ini berupaya membentuk peribadi penghuni yang komited untuk perubahan, bersungguh-sungguh, rajin dan mempunyai matlamat yang jelas apabila dibebaskan kelak. Malah sifat ini bakal membawa satu transformasi baru dalam sisi kehidupan mereka selepas ini.

Bibliografi

- Abd. Rachman Abror (2003), “Nilai-nilai Islam yang Terkandung dalam Pantun Etnik Melayu di Pontianak”, (Tesis Kedoktoran, Institut Pengajian Siswazah, Universiti Malaya).
- Abdul Ghafir bin Abdul Hamid (1996), “Penerapan Nilai-nilai Islam dan Keselamatan Negara di Malaysia: Satu Tinjauan”, (Disertasi Sarjana, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Abdul Monir Yaacob (1994), “Penerapan Nilai-nilai Islam dalam Pentadbiran Kerajaan: Satu Penilaian”, (Kertas Kerja Seminar Penghayatan Nilai-nilai Islam dalam Pentadbiran Peringkat Kebangsaan, Kuala Lumpur, 29-30 April 1994).
- Abdul Rahman Md. Aroff (1999), *Pendidikan Moral: Teori Etika dan Amalan Moral*, Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Ahmad Atory Hussain (1986), *Tingkah Laku Organisasi dalam Pengurusan Moden*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al-Ghazālī, Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad (1959), *Ayyuhā al-Walad*, cet. ke-2, Beirut: al-Lajnah al-Dawliyyah li Tarjamat al-Rawāi’.
- _____ (1967), *Iḥyā’ Ulūm al-Dīn*, jil. 3, Kaherah: Muassasat al-Ḥalabī wa Sharakāhu li al-Nashr wa al-Tawzī’.
- _____ (1989), *Bimbingan Mukminin*, (terj.) Sayid Ahmad Samit, Singapura: Pustaka Nasional.
- _____ (2005), *Letter to a Disciple: Ayyuhā al-Walad*, (terj.) Tobias Mayer, Cambridge: the Islamic Texts Society.
- _____ (t.t.), *al-Munqidh min al-Dalāl*, Beirut: Maktabat al-Shay’bah.
- Ghazali Darusalam (2001), *Kursus Tamadun Islam dan Pendidikan Moral: Nilai-nilai Moral dalam Pelbagai Aspek*,

- Apresiasi Moral dan Badan-badan Dunia*, Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Institut Tadbiran Awam Negara Malaysia (1992), *Dasar-dasar Pembangunan Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara Malaysia.
- Ismail Hj Ibrahim (1993), *Bagaimana Bentuk Generasi Baru*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Jabatan Penerangan Malaysia (1990), *Dasar-dasar Kerajaan*, ed. ke-3, Kuala Lumpur: Jabatan Penerangan Malaysia.
- Kamus Dewan* (1994), ed. ke-3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahani Mohamad (2004), “Dasar Penerapan Nilai-nilai Islam: Keberkesanan Pelaksanaannya di Lembaga Tabung Haji (LTH) Kelantan (1997-2002)”, (Latihan Ilmiah Jabatan Siasah Syar‘iyyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Al-Mu‘jam al-Wasīṭ* (1973), Kaherah: Majma‘ al-Lughah al-‘Arabiyyah.
- Mustafa Kamal Pasha (2002), *Qalbun – Salim Hiasan Hidup Muslim Terpuji*, Jogjakarta: Citra Karsa Mandiri.
- Oxford Advanced Learner’s Dictionary*, ed. ke-7, New York: Oxford University Press.
- Jabatan Penjara Malaysia (t.t.), “Program Terapi Komuniti”, (Risalah Bahagian Rawatan dan Pemulihan, Jabatan Penjara Malaysia).
- Al-Qāsimī, Muḥammad Jamāl al-Dīn (1994), *Maw‘izah al-Mu‘minīn min Ihya‘ ‘Ulūm al-Dīn*, Beirut: Dār al-Nafā‘is.
- Schuller, Robert H. (2002), *Kegigihan Kunci Kejayaan*, Batu Caves: Thinkers Library.
- Smelser, Neil J. dan Paul B. Batles (ed.) (2001), *International Encyclopedia of the Social and Behavioral Science*, vol. 8, Amsterdam: Elsevier.
- Sufri Kurus (2007), “Pelaksanaan Nilai-nilai Islam di Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei Darussalam: Kajian terhadap Keberkesannya dalam Pembangunan Pentadbiran”, (Disertasi Jabatan Siasah Syar‘iyyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Wan Sabri Wan Hussin (2002), “Nilai dan Etika Islam dalam Perniagaan: Amalan dan Tanggapan Masyarakat Malaysia” (Tesis Kedoktoran, Institut Pengajian Siswazah dan Penyelidikan, Universiti Malaya).
- Najder, Zdzislaw (1975), *Values and Evaluation*, Oxford: Clarendon Press.

Hamimah, Fauzi dan Hadenan, *Nilai Islam dalam Pemulihan di Penjara*

Zurimi bin Hashim (2002), "Penerapan Nilai-nilai Islam ke Atas Pelatih Pusat Pemulihan Dadah: Kajian Perbandingan antara Pusat Serenti Raub dengan Pengasih", (Disertasi Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia).